



SISA elektronik kini menjadi agen pencemar terbaharu yang membebankan alam sekitar. - GAMBAR HIASAN

UTUSAN MALAYSIA 26/4/2017

p. 26

Tahukah anda?

Sampah sumbang pemanasan bumi

SEJAUH MANA tapak pelupusan sampah menyumbang kepada pemanasan bumi? Sampah adalah penyumbang utama kepada pemanasan bumi. Sisa pepejal adalah antara sumber gas metana (CH₄) buatan manusia yang terbesar. Gas metana merupakan gas rumah hijau yang penting memerangkap haba 23 kali ganda berbanding karbon dioksida (CO₂). Ini membuatkan keadaan persekitaran kita semakin panas dan menyumbang kepada perubahan iklim.

Amalan kitar semula dapat menjimatkan tenaga dan jika tidak diamalkan, satu hari nanti akan mendatangkan krisis kepada kehidupan kita.

Misalnya tin aluminium boleh menjimatkan 95 peratus tenaga yang diperlukan bagi membuat jumlah yang sama bahan daripada aluminium daripada sumber asal bauksit.

Dengan mengamalkan kitar semula tin aluminium kita boleh menyelamatkan 36 tong minyak atau 1,665 gelen petrol.

Amalan kitar semula juga memang akan menyumbang kepada isu iklim dengan mengurangkan gas rumah hijau (GHG) menerusi pengurangan penggunaan tenaga dan bahan asas membuat bahan yang boleh dikitar semula. **Dr. Ahmad Ismail** berkata, pengurangan GHG daripada aktiviti tapak pelupusan memberi kesan kepada pemanasan global dan

perubahan iklim.

"Amalan kitar semula dapat mengurangkan metana daripada dikeluarkan oleh tapak pelupusan," ujarnya

Bagaimana kita dapat menyumbang kepada pengurangan GHG? Semua mestilah mengamalkan lima perkara penting iaitu mengelakkan daripada mempunyai sampah, mengurangkan menggunakan barangan yang boleh menjadi sampah, menggunakan semula barangan yang sedia ada, mengamalkan aktiviti kitar semula kertas, plastik, logam, bahan elektronik dan bahan-bahan lain yang boleh dikitar semula dan menjadikan bahan buangan sebagai kompos melalui proses pereputan semula jadi. Bermula sekarang pengguna boleh menyemak berapa banyak sampah yang kita keluarkan setiap hari. Berdasarkan statistik pada masa ini, kira-kira 1.5 kilogram sehari bagi setiap orang mungkin kita mampu untuk amalkan buangan sifar.

Apabila pengguna sudah mengamalkan lima perkara tersebut mereka tidak mempunyai sampah yang banyak. Sampah yang sangat sedikit itu akan ke tapak pelupusan sampah dan menjimatkan kawasan, pengangkutan dan mengurangkan kesan alam sekitar seperti pencemaran udara dan air. Sekiranya kerajaan tempatan mempunyai teknologi yang

SEKIRANYA kita mengamalkan kitar semula, apakah perkara baik yang kita lakukan?

Misalnya sekiranya kita mengitar semula kertas, setiap tan kertas kitar semula kita menyelamatkan

- ✓ Sebanyak **17** batang pokok
- ✓ Sebanyak **380** gelen minyak,
- ✓ **Tiga** meter persegi ruang tapak pelupusan sampah.
- ✓ Sebanyak **4,000** kilowatt tenaga,
- ✓ Sebanyak **7,000** gelen air.
- ✓ Ini mewakili **64** peratus penjimatan tenaga, **58** peratus penjimatan air dan **tiga** peratus mengurangkan pencemaran udara.
- ✓ Sekiranya kertas tidak dikitar semula mungkin **80** peratus kertas akan berakhir di tapak pelupusan.

baik bagi memproses sampah maka pengguna akan lebih selamat pada masa depan untuk kesejahteraan yang lebih baik.

Mungkin boleh diamalkan beberapa perkara bagi membantu pengurusan dan amalan buangan sifar. Antaranya ialah kita tiada sampah, kita tidak membawa balik sampah ke rumah, elakkan membawa barangan berbungkus plastik ke rumah, rancang pembelian keperluan dapur, bawa bekas atau beg guna semula ke pasar, uruskan peti sejuk sebelum ke pasar, amalkan 5R (*refuse, reduce, reuse, recycle, rotting*).